



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.175/22/1 Klt. 14 (2)
Tarikh : 19 April 2019 / 13 Sya'aban 1440H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan
Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan
YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan penajaan untuk Pegawai Pengurusan dan Profesional bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa bagi Sesi 2020.

3. Kemudahan yang disediakan adalah terbahagi kepada dua (2) kategori (**LAMPIRAN 1**) seperti berikut:

Pegawai Perkhidmatan Gunasama

- (i) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); dan
- (ii) Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama

- (i) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)** bagi pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama boleh dipohon sepanjang tahun melalui Kementerian/ Jabatan masing-masing ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).



4. Pelawaan ini tidak meliputi Kementerian/Jabatan/Agenzi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agenzi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Pensyarah Universiti dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (bagi Pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (bagi Pegawai Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan), dan Agensi/Badan Berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya.

5. Bagi permohonan Sesi 2020, **urusan temuduga untuk calon-calon Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama akan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA**. Penawaran dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara dalam talian	19 April sehingga 17 Mei 2019
2.	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan	24 Mei 2019
3.	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	8 Julai 2019
4.	Semakan keputusan melalui portal eSila, JPA http://esilav2.jpa.gov.my	September 2019

6. Butir-butir syarat dan kriteria, tatacara permohonan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah seperti di **LAMPIRAN** berkaitan. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. ZULKAPLI MOHAMED)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

LAMPIRAN B

JPA(L)LDP 1A/96

**LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN
UNTUK KURSUS DALAM PERKHIDMATAN**

1. TAJUK KURSUS				
2. TEMPAT KURSUS				
3. TEMPOH KURSUS				
4. PENGANJUR				
5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA				
6. BIL. CALON YANG LAYAK				
7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)				
Nama dan Jawatan Calon	Kelulusan / Institut / Tahun	Perkhidmatan Sekarang		Tarikh Lahir / Umur
		T/Lantikan	T/Sah	
Calon Tetap				
Calon Simpanan				
8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN		ASAS ASAS PERAKUAN		
PENGERUSI: Nama : Jawatan:				
AHLI : 1. Nama : Jawatan: 2. Nama: Jawatan: (Tandatangan Pengerusi/Setiausaha)				
Nama : Jawatan: Cop Rasmi Kerajaan: Tarikh:		PERAKUAN DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KEMENTERIAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS		

LAMPIRAN C**BORANG PERAKUAN KETUA JABATAN**

JABATAN/AGENSI : _____
KEMENTERIAN : _____

Butir-butir Perkhidmatan

- a) Nama :
b) No. K/P :
c) T. Lahir :
d) Umur :
e) Skim Perkhidmatan :
f) Gred Jawatan Hakiki :
g) Tarikh Lantikan : **(dalam skim perkhidmatan terkini)**
h) Tarikh Sah : **(dalam skim perkhidmatan terkini)**
i) Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan **(dalam skim perkhidmatan terkini)** :

i) Tahun : Markah :
ii) Tahun : Markah :
iii) Tahun : Markah :
iv) Purata Markah :

j) Tindakan Tatatertib : Ada / Tiada
k) Pengisyiharan Harta : Isytihar / Belum Isytihar
l) Sokongan : Disokong / Tidak Disokong

m) Pegawai boleh / tidak boleh dilepaskan untuk menjalani kursus pada sesi yang dipohon.
Saya mengesahkan bahawa kenyataan yang diberikan oleh _____ adalah benar dan permohonan
beliau adalah lengkap.

DIPERAKUKAN OLEH:

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :
Jawatan :
Jabatan/ Kementerian :
Tarikh :
Cop Rasmi Jabatan :

SYARAT-SYARAT PENAWARAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020

PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Gunasama bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Skim perkhidmatan yang terlibat ialah **Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Psikologi.**

PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama.**

1. Syarat Umum

Pegawai-pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

2. Syarat Khusus

- (i) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Pada **1 Januari 2020**, pegawai mestilah berumur tidak melebihi **45 tahun** bagi pengajian peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Sarjana**;
- (iii) Pegawai hendaklah **telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun** (**lantikan selewat-lewatnya 1 Januari 2016**) pada tarikh tutup permohonan;
- (iv) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (v) Mencapai **markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85% ke atas** bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2016, 2017 & 2018). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;

- (vi) Memiliki syarat kelayakan akademik seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelulusan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja di Peringkat P&P (pada 1 Januari 2019)
Sarjana	2.00 – 2.49	10 tahun
	2.50 – 2.99	5 tahun
	3.00 dan ke atas	3 tahun
Ph.D	Lulus Peringkat Sarjana	3 tahun

- (vii) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (viii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;

- (ix) Telah mengisyiharkan harta;

- (x) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;

- (xi) Pegawai bebas daripada sebarang penyakit kronik (**LAMPIRAN 5**);

*Ahli keluarga pemohon perlu bebas daripada sebarang penyakit kronik **sekiranya ditawarkan pengajian di luar negara**

- (xii) **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di luar atau dalam negara;**

atau

Telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di luar atau dalam negara;

atau

Bagi calon Ph.D sahaja - Telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka dengan syarat pemohon perlu **memohon**

penangguhan pengajian daripada universiti bagi mengikuti Kursus Persediaan Kedoktoran (Ph.D) yang ditetapkan JPA;

*Tawaran HLP atau CBBPTB akan **terbatal** sekiranya pegawai gagal mengikuti Kursus Persediaan Kedoktoran (Ph.D).

- (xiii) Pemohon HLP dan CBBPTB peringkat Sarjana untuk bidang pengajian **Ekonomi, Kaunseling dan Psikologi** hendaklah mempunyai latar belakang akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang-bidang tersebut; dan
- (xiv) Menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN 2A** dan melengkapkan **Soalan Ekspektasi Penajaan** seperti di **Lampran 2B** dengan pilihan Bidang Pengajian seperti di **LAMPIRAN 3**.

3. Peringkat Pengajian

Dua (2) peringkat pengajian ditawarkan bagi HLP dan CBBPTB Sesi 2020 iaitu:

- (i) **Ph.D** - universiti luar dan dalam negara; dan
- (ii) **Sarjana** - universiti luar dan dalam negara.

4. Tempat Pengajian

Pegawai perlu memilih tempat pengajian di universiti-universiti seperti berikut:

- (i) **Luar Negara**
 - (a) Senarai *Type A* dan *Type B* di dalam Top Global Universities (The Top Global University Project) bagi pengajian di Jepun;
 - (b) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang di dalam The Times Higher Education (THE) World University Rankings; atau
 - (c) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang di dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.

- (ii) **Dalam Negara**

Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti di **Lampiran 4**.

5. Ujian Khas

Bagi pemohon yang berjaya untuk dipanggil temuduga, pemohon **diwajibkan** untuk menduduki Ujian Khas secara *online* yang boleh dicapai semasa menyemak panggilan temuduga di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>.

6. Kemudahan

- (i) **Pegawai Perkhidmatan Gunasama** yang berjaya dipilih akan ditawarkan:
 - (a) **Hadiah Latihan Persekutuan** dengan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**; atau
 - (b) **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa** dengan kemudahan penajaan CBBPTB sedia ada; dan
- (ii) **Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama** yang berjaya dipilih akan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan** dengan kelulusan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.

7. Ujian Bahasa Inggeris

- (iii) **Luar Negara**

Telah **lulus ujian Bahasa Inggeris** semasa mengemukakan permohonan dengan skor minimum seperti berikut:

- (a) IELTS : Band 6.5; atau
- (b) TOEFL : Internet Based: 92 point / Paper Based: 580 point

Walau bagaimanapun, bagi calon yang sedang menduduki ujian ini, semua slip keputusan perlu dikemukakan semasa menghadiri temuduga.

Syarat ini adalah untuk kemasukan ke semua universiti di luar negara (termasuk negara-negara bukan berbahasa Inggeris). Hanya ujian Bahasa Inggeris yang diambil pada atau selepas **1 Mac 2019** sahaja diambil kira bagi tujuan ini dan sebarang kos peperiksaan tidak akan ditanggung oleh Jabatan ini.

- (iv) **Dalam Negara**

Pemohon yang telah **berjaya ditawarkan HLP atau CBBPTB** kelak

dikehendaki untuk lulus **ujian Bahasa Inggeris sebelum memulakan pengajian** di universiti dengan skor minimum seperti berikut:

- (a) English Language Proficiency Test (ELPA) INTAN : Band 3; atau
- (b) IELTS : Band 6.0; atau
- (c) TOEFL : Internet Based: 80 point / Paper Based: 500 point

Sekiranya penerima HLP atau CBBPTB gagal memperoleh kelulusan minimum tersebut, maka tawaran HLP atau CBBPTB adalah terbatal secara automatik. Hanya ujian Bahasa Inggeris yang diambil pada atau selepas **1 Mac 2019** sahaja diambil kira bagi tujuan ini dan sebarang kos peperiksaan tidak akan ditanggung oleh Jabatan ini.

8. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai-pegawai yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

9. Tatacara Permohonan

- (i) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan (**LAMPIRAN A**) secara dalam talian di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 19 April sehingga 17 Mei 2019**.
- (ii) **Borang yang telah lengkap** diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
 - (a) Salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya;
 - (b) Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya berkaitan);
 - (c) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga);
 - (d) Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian (4 salinan);
 - (e) Soalan Ekspektasi Penajaan (4 salinan);
 - (f) Salinan Slip keputusan TOEFL atau IELTS bagi permohonan

pengajian di Luar Negara; dan

- (g) Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga menghidap penyakit kronik.
- (iii) Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

10. Tanggungjawab Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**;
- (ii) Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya **memperakukan calon yang boleh dilepaskan** oleh Ketua Jabatan pada tahun 2020 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP atau CBBPTB ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian;
- (iii) Oleh kerana bilangan biasiswa yang diperuntukkan bagi **pengajian di luar negara adalah amat terhad**, Ketua Jabatan hendaklah memastikan hanya pegawai-pegawai yang **benar-benar layak dan berkebolehan** sahaja dicalonkan untuk pengajian di luar negara serta bidang kursus yang dimohon **tidak ditawarkan oleh Universiti Awam (UA) tempatan**. Selain daripada itu, Ketua Jabatan hendaklah mencalonkan mereka yang mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik** sahaja dan terbukti melalui pencapaian Ujian Bahasa Inggeris (TOEFL/IELTS);
- (iv) Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan** sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (a) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**) dan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**); dan
- (b) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama:-
- (1) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 8; dan
- (2) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 9(iv)(a).
- (v) **Pencalonan tanpa melalui PPSM dan tanpa borang-borang yang lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya;**
- (vi) Jabatan ini **berhak menolak pencalonan** daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang didapati tidak mengambil tindakan yang digariskan di atas;
- (vii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah mengandungi:
- (a) **dua (2)** set dokumen seperti di perenggan 8 dan 9(iii)(a);
- (b) **empat (4)** salinan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian; dan
- (c) **empat (4)** salinan Soalan Ekspektasi Penajaan.
- (viii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **24 Mei 2019** dan dialamatkan kepada:
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.
(u.p.: **Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan**)
11. Sebarang pertanyaan atau kemosyikilan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Telefon : 03-8885 3546
Emel : penawaranldp@jpa.gov.my

**PANDUAN MENULIS KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN / PENGAJIAN
HLP DAN CBBPTB SESI 2020**

(A) Panduan menulis cadangan penyelidikan (Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan penuh/ mod campuran)

Guideline to writing research proposal (Ph.D and Masters by research/ mixed mode)

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu kenyataan berkaitan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan calon Sarjana secara penyelidikan penuh/ mod campuran). Penyataan haruslah mengandungi elemen berikut:

Applicants are required to submit a research proposal (Ph.D & Masters by research/ mixed mode). The statement should comprise the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan dan Bidang Penyelidikan (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number and Field of Research (Please write as a header of every page)
- (ii) Latar belakang atau kajian perpustakaan ringkas mengenai bidang kajian
Background or a brief literature review on the research topic
- (iii) Objektif kajian / Penyataan masalah
Objective of study / Problem statement
Jelaskan apakah objektif / penyataan masalah yang mendorong tajuk ini dikaji
Explain the objective(s) / problem statement that influence the research
- (iv) Skop kajian / Rangka kajian
Scope of study / Theoretical framework
- (v) Kepentingan kajian
Significance of research
- (vi) Metodologi kajian
Methodological research
Jelaskan metod-metod yang akan digunakan dalam membuat kajian seperti perpustakaan, kerja makmal, kajian luar, dokumentari persejarahan, wawancara/soal selidik, penafsiran dan analisis, dan lainnya.
Explain the methods used in the research such as library research, lab work, field work, historical documentary, interview, survey, evaluation and analysis, etc.
- (vii) Bibliografi ringkas
Brief bibliography
- (viii) Rangka jadual kerja
Work schedule

Cadangan penyelidikan ini hendaklah **tidak kurang daripada 10 muka surat (Ph.D) dan 5 muka surat (Sarjana) ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan disediakan sebanyak 4 salinan.**

The research proposal should not be less than 10 pages (Ph.D) or 5 pages (Masters), written in Bahasa Melayu or English and must be prepared in 4 copies.

Bagi pengajian peringkat Ph.D di luar negara, cadangan penyelidikan adalah **WAJIB** disediakan di dalam Bahasa Inggeris.

The research proposal for Ph.D program abroad, MUST be written in English.

(B) Panduan menulis cadangan penyataan ringkas bidang pengajian (Sarjana secara kerja kursus)

Guideline to writing brief description of study area (Masters by Coursework)

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu penyataan ringkas berkaitan bidang pengajian. Penyataan harus mengandungi elemen-elemen berikut:

Applicants are required to submit a brief description of study area. The description should comprise the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan dan Bidang Pengajian (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number and Field of Study (Please write as a header of every page)
- (ii) Maklumat Institusi Pengajian (wajib mengemukakan tiga (3) UA/IPTS pilihan)
Preferred Institution of Study (must submit three (3) choices of UA/IPTS)

Bil.	UA/IPTS yang dipilih	Nama Kursus/Program	Jumlah keseluruhan jam kredit yang ditawarkan
1.			
2.			
3.			

- (iii) Skop Pengajian (penyataan hendaklah tidak kurang daripada 500 patah perkataan)
Detailed Plan of Study

- (iv) Potensi kepentingan pengajian kepada Skim dan Perkhidmatan Awam (penyataan hendaklah tidak kurang daripada 1000 patah perkataan)
Benefits of study towards Public Service

Cadangan penyataan ringkas bidang pengajian ini hendaklah mengandungi **sekurang-kurangnya 3 muka surat serta ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan disediakan sebanyak 4 salinan.**

The research proposal should not be less than 3 pages, written in Bahasa Melayu or English and must be prepared in 4 copies.

Soalan Ekspektasi Penajaan

1. Apakah Ekspektasi anda dari penajaan Hadiah Latihan Persekutuan ini?

2. Apakah ilmu dan kepakaran yang anda harapkan dari pengajian yang anda mohon?

3. Bagaimana anda akan menggunakan ilmu dan kepakaran hasil penajaan ini bagi menyumbang kepada pembangunan Negara?

*sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi.

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (✓)	
			Ph.D	SARJANA
General Programmes	1. Basic/ Broad General Programmes	(i) Basic Programmes	✓	✓
		(ii) Broad, General Programmes	✓	✓
	2. Literacy and Numeracy	(i) Functional literacy	✓	✓
	3. Personal Skills	(i) Communication skills	✓	✓
		(ii) Enhancing personal skills	✓	
Art and Humanities	4. Arts	(i) Design	✓	✓
		(i) Humanities	✓	✓
	5. Humanities	(ii) Interpretation (Other Languages)	✓	✓
		(iii) Religion	✓	✓
		(iv) Religious Studies	✓	✓
		(v) Study of Different Religions	✓	✓
		(vi) Translation (Malays Languages)	✓	✓
Social Sciences, Business & Law	6. Business and Administration	(i) Accounting	✓	✓
		(ii) Auditing	✓	
		(iii) Banking and Finance	✓	✓
		(iv) Business and Administration	✓	✓
		(v) Consumer Services	✓	✓
		(vi) Human Resources Management	✓	✓
		(vii) Information Processing/ Data Entry	✓	✓
		(viii) Investment Analysis	✓	✓
		(ix) Logistic Management	✓	✓
		(x) Market Research	✓	✓
		(xi) Marketing	✓	
		(xii) Personnel Management	✓	
		(xiii) Quality Management	✓	✓
		(xiv) Real-estate Business	✓	✓
		(xv) Training Management	✓	✓
		(xvi) Management and Administration	✓	✓
	7. Journalism and Information	(i) Archival Sciences	✓	✓
		(ii) Communication	✓	✓
	8. Law	(i) Commercial Law	✓	✓
		(ii) Law	✓	✓
		(iii) Syariah Law	✓	✓
	9. Social and Behavioural Science	(i) Demography/ Population Studies	✓	✓
		(ii) Economics	✓	✓
		(iii) Ethnology	✓	✓
		(iv) Human Rights	✓	✓
		(v) International Relations	✓	
		(vi) Library Programmes	✓	✓
		(vii) Political Science	✓	✓
		(viii) Psychology	✓	✓
		(ix) Regional Cultures	✓	
		(x) Social Anthropology	✓	
		(xi) Social Conflict Theory	✓	✓
		(xii) Social Sciences	✓	✓
		(xiii) Sociology	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (✓)	
			Ph.D	SARJANA
Science, Mathematics & Computing	10. Computing	(i) Computer Science	✓	✓
	11. Life Science	(i) Biochemistry	✓	✓
		(ii) Entomology	✓	
		(iii) Environmental Science	✓	
		(iv) Toxicology	✓	
	12. Mathematics and Statistics	(i) Data Analysis (Mathematics)	✓	✓
		(ii) Statistics, Applied	✓	✓
	13. Physical Science	(i) Earth Science	✓	✓
		(ii) Geodesy	✓	✓
		(iii) Geography (Physical)	✓	
		(iv) Geoscience	✓	✓
		(v) Marine Science	✓	✓
		(vi) Oceanography	✓	✓
Engineering, Manufacturing & Construction	14. Architecture and Building	(i) Architectural Urban Design and Planning	✓	✓
		(ii) Architecture	✓	✓
		(iii) Cartography/ Land Surveying	✓	✓
		(iv) Community Planning	✓	
		(v) Landscape Architecture	✓	✓
		(vi) Surveying	✓	✓
		(vii) Topography	✓	✓
		(viii) Urban Planning	✓	
		(ix) Urban Studies		✓
	15. Engineering and Engineering Trade	(i) Civil Engineering	✓	✓
		(ii) Constructional Engineering	✓	
		(iii) Electrical Engineering	✓	✓
		(iv) Engineering	✓	✓
		(v) Irrigation and Drainage (Construction)	✓	✓
		(vi) Maintenance Engineering	✓	✓
		(vii) Maritime Engineering	✓	✓
		(viii) Mechanical Engineering	✓	✓
		(ix) Metallurgical Engineering	✓	
		(x) Network Technology	✓	✓
		(xi) Oil/ Gas/ Petrochemicals Processing	✓	
		(xii) Quantity Surveying	✓	✓
		(xiii) Structural Engineering	✓	✓
		(xiv) Water Technology and Engineering	✓	✓
	16. Manufacturing and Processing	(i) Chemistry (Forensic Analysis)	✓	✓
		(ii) Environmental Technology	✓	✓
		(iii) Food Science and Technology	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Agriculture & Veterinary	17. Agriculture, Forestry and Fishery	(i) Agriculture, Forestry and Fishery (Broad Programmes)	√	
		(ii) Agricultural Business/ Agribusiness Operations	√	√
		(iii) Agricultural Economics	√	√
		(iv) Agronomy and Crop Science	√	√
		(v) Forestry	√	√
		(vi) Horticulture	√	√
		(vii) Soil Fertility	√	√
	18. Veterinary	(i) Veterinary Science	√	√
Health & Welfare	19. Health	(i) Pathology	√	
		(ii) Physiology	√	√
Services	20. Environmental Protection	(i) Conservation and Land Management	√	
		(ii) Environmental Conservation	√	√
		(iii) Environmental Control	√	√
		(iv) Environmental Protection		√
		(v) Environmental Protection Technology	√	√
		(vi) Natural Resources Conservation	√	
		(vii) Soil and Water Conservation	√	√
	21. Personal Services	(i) Travel and Tourism	√	
	22. Security Services	(i) Ergonomics (Occupational Health and Safety)	√	√
		(ii) Law Enforcement	√	√
		(iii) Occupational Health and Industrial Hygiene	√	√
		(iv) Occupational Health and Safety	√	√
		(v) Security Services	√	√
	23. Transport Services	(i) Transport Programmes	√	√

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	1. Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Strategik	(i) Kesejahteraan Pekerja (Wellbeing)	√	Mixed Mode Research
		(ii) Pengurusan Bakat dan Organisasi	√	Mixed Mode Research
		(iii) Pengurusan Strategik dan Komunikasi	√	Mixed Mode Research
		(iv) Pengurusan Kualiti dan Inovasi	√	Mixed Mode Research
		(v) Tadbir Urus dan Integriti		Course Work Mixed Mode Research
	2. Pentadbiran Tanah, Strata dan Kerajaan Tempatan	(i) Pentadbiran dan Pengurusan Tanah	√	Research
		(ii) Strata	√	Research
		(iii) Pendaftaran	√	Research
		(iv) Hasil Bumi	√	Research
	3. Pengurusan Projek, Aset dan Fasiliti	(i) Pengurusan Projek, Pengurusan Aset dan Fasiliti		Course Work Mixed Mode Research
	4. Pengurusan dan Analisa Ekonomi	(i) Ekonomi Sektoral	√	Mixed Mode Research
		(ii) Makroekonomi (Analisa, Penyelidikan dan Model)	√	Research
		(iii) Pengurusan Komoditi	√	Mixed Mode Research
		(iv) Mikroekonomi	√	Mixed Mode Research
	5. Perdagangan dan Perindustrian	(i) Kerjasama Ekonomi Antarabangsa	√	Research
		(ii) Perdagangan dan Perniagaan Antarabangsa	√	Mixed Mode Research
		(iii) Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan	√	Mixed Mode Research
	6. Pengurusan Kewangan Awam	(i) Pengurusan Kewangan		Course Work Mixed Mode Research
		(ii) Pengurusan Cukai (Fiskal)	√	Research
		(iii) Kewangan Monetari / Pelaburan Kerajaan	√	Research
		(iv) Pengurusan Perolehan Kerajaan	√	Research
		(v) Pengurusan Kewangan Islam	√	Mixed Mode Research
		(vi) Perakaunan Forensik		Course Work Mixed Mode Research
	7. Sosio-Politik Antarabangsa & Hal Ehwal Luar Negeri	(i) Diplomasi Politik		Course Work Mixed Mode Research
		(ii) Hubungan Antarabangsa		Course Work Mixed Mode Research
		(iii) Pengurusan Pengangkutan Darat, Udara dan Maritim Antarabangsa		Course Work Mixed Mode Research
		(iv) Rundingan Strategik	√	Research

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK


KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Services (Security)	8. Pengurusan Sains dan Pembangunan Teknologi	(i) Pengurusan Bioteknologi dan Alam Sekitar	√	Mixed Mode Research
		(ii) Pengurusan Harta Intelek	√	Mixed Mode Research
		(iii) Pengurusan Perkhidmatan Sains dan Teknologi		Course Work Mixed Mode Research
		(iv) Pengurusan Teknologi Baharu (Managing Emerging Technologies) (IR4.0)		Course Work Mixed Mode Research
	9. Pembangunan Manusia dan Kesejahteraan Komuniti	(i) Pembangunan Kesejahteraan Komuniti		Course Work Mixed Mode Research
		(ii) Pengurusan Gender		Course Work Mixed Mode Research
		(iii) Pengurusan Gerontologi	√	Mixed Mode Research
	10. Keselamatan Negara	(i) Hubungan Strategik, Perpaduan dan Keharmonian Negara		Course Work Mixed Mode Research
		(ii) Keselamatan dan Kedaulatan Negara		Course Work Mixed Mode Research
		(iii) Hal Ehwal Imigresen dan Anti Pemerdagangan Manusia	√	Mixed Mode Research
		(iv) Keselamatan dan Diplomasi Pertahanan	√	Research
		(v) Persempadanan Darat, Ruang Udara dan Maritim	√	Mixed Mode Research

JPA

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI PSIKOLOGI (PPsi)


KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN	PERINGKAT PENGAJIAN (✓)	
			Ph.D	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	1. Organisasi	(i) Tingkah Laku Organisasi	✓	
		(ii) Pembangunan Organisasi	✓	
		(iii) Positif Psikologi		✓
	2. Perkembangan	(i) Kanak-Kanak	✓	
		(ii) Remaja		✓
		(iii) Dewasa		✓
		(iv) Gerontologi		✓
	3. Sosial	(i) Komuniti	✓	✓
		(ii) Silang Budaya	✓	✓
		(iii) Sukan	✓	✓
		(iv) Media dan Teknologi		✓
		(v) Politik	✓	
		(vi) Kesihatan		✓
		(vii) Kepenggunaan		✓
	4. Tingkah Laku	(i) Ketakupayaan (Disabilities)	✓	✓
		(ii) Analisis Tingkah Laku	✓	✓
		(iii) Modifikasi Tingkah Laku	✓	✓
		(iv) Terapi Kognitif Tingkah Laku	✓	✓
	5. Kuantitatif dan Pengukuran	(i) Penyelidikan Gunaan		✓
		(ii) Psikometrik		✓
	6. Kaunseling	(i) Koreksional	✓	✓
		(ii) Rehabilitasi	✓	✓
		(iii) Kerjaya		✓
		(iv) Kewangan		✓
		(v) Krisis/Trauma	✓	✓
		(vi) Penyalahgunaan Dadah	✓	
	7. Klinikal	(i) Klinikal	✓	✓
		(ii) Kriminalologi	✓	
		(iii) Forensik	✓	✓
	8. Kognitif	(i) Artificial Intelligence	✓	✓
		(ii) Thinking & Problem Solving		✓
		(iii) Memory & Perception		✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	 1. Mechanical Engineering	(i) Metal Fabrication	✓	✓
		(ii) Welding	✓	✓
		(iii) Materials	✓	✓
		(iv) Automotive	✓	✓
		(v) Industrial Product Design	✓	✓
		(vi) Mechanical Automation	✓	✓
		(vii) Refrigeration and Air-conditioning	✓	✓
		(viii) Aviation	✓	✓
		(ix) Petroleum	✓	✓
		(x) Maintenance	✓	✓
		(xi) Innovation and Engineering Design	✓	✓
		(xii) Biochemical-Biotechnology	✓	✓
	2. Electrical, Electronics And Telecommunication Engineering	(i) Mechatronics	✓	✓
		(ii) Automation	✓	✓
		(iii) Telecommunication	✓	✓
		(iv) Biomedical engineering	✓	✓
		(v) Microelectronic	✓	✓
		(vi) Industrial Electronics	✓	✓
	3. General (Engineering)	(i) Quality Assurance Engineering	✓	✓
		(ii) Safety, Health and Environment	✓	✓
		(iii) Green Technology	✓	✓
	4. Computer Engineering	(i) Multimedia Animation	✓	✓
		(ii) Networking	✓	✓
		(iii) Computer system	✓	✓
		(iv) Software development	✓	✓
		(v) Hardware development	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	5. Management (Engineering)	(i) Occupational Safety and Health	✓	✓
		(ii) Project Management	✓	✓
		(iii) Science Management	✓	✓
	6. Civil Engineering	(i) Structural	✓	✓
		(ii) Geotechnical	✓	✓
		(iii) Perkhidmatan Bangunan	✓	✓
	7. Emerging Technologies	(i) Robotic	✓	✓
		(ii) Artificial Intelligence	✓	✓



JPA

SENARAI UNIVERSITI TEMPATAN HLP DAN CBBPTB SESI 2020**BAGI PENGAJIAN PERINGKAT Ph.D DAN SARJANA**

BIL.	UNIVERSITI AWAM (UA)
A.	UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)
1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2	Universiti Malaya (UM)
3	Universiti Putra Malaysia (UPM)
4	Universiti Sains Malaysia (USM)
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
B.	UNIVERSITI KOMPREHENSIF
1	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
3	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
4	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
5	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
6	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
7	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
8	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
9	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
10	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
11	Universiti Utara Malaysia (UUM)
C.	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN)
1	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
2	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
3	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
4	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
BIL.	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)
1	Asia Pasific University College of Technology and Innovation (UCTI)
2	Curtin University (Malaysia Campus), Sarawak
3	Monash University (Sunway Campus)
4	Swinburne University of Technology (Sarawak Campus)
5	The Global University of Islamic Finance (INCEIF), Kuala Lumpur
6	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
7	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
8	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
9	University College Sedaya International (UCSI University)
10	University of Nottingham (Malaysia Campus), Semenyih
11	Taylor's University Malaysia
12	Management and Science University (MSU)
13	Sunway University
14	Limkokwing University of Creative Technology, Cyberjaya
15	UNITAR International University (UNITAR)
16	Universiti Kuala Lumpur (UNiKL)
17	Universiti Multimedia Malaysia (MMU)
18	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kcederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan Aids;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofernia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

JPA